



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PEMBENTUKAN KATA TURUNAN, MAJMUK, DAN GANDA DARI SUDUT  
MORFOLOGI DALAM BAHASA MELAYU***

**EZZAH' AFIFAH BINTI NASRUDIN**

**FBMK 2015 9**



**PEMBENTUKAN KATA TURUNAN, MAJMUK, DAN GANDA DARI  
SUDUT MORFOLOGI DALAM BAHASA MELAYU**

Oleh

**EZZAH 'AFIFAH BINTI NASRUDIN**

Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia sebagai  
Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera.

Januari 2015

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstract thesis submitted to Senates of Universiti Putra Malaysia in  
Fulfillment of the requirements for the degree of Master of Arts

**FORMATION OF WORDS DERIVED, COMPOUND, AND  
DOUBLE IN TERMS OF MORPHOLOGY IN MALAY  
LANGUAGE**

By

**EZZAH'AFIFAH BINTI NASRUDIN**

**January 2015**

**Chairman : Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh, PhD**

**Faculty : Modern Language and Communication.**

Formation of the Malay Language structure refers to the construction of root words through a specific process which is augmentation, compounding, and doubling up till the transformation from the point of spelling, meaning, and function reference. This transformation gives an impact to the whole Malay language users, including students. Among the impacts are confusion in the change of the spelling, meaning, and function. This phenomenon often occurs in teaching and learning situations, when communicating, and writing activities are at work. Thus, the objective of this study is to examine the form of derivative, compound, and double words in the Malay language, analyze the meaning of the Malay word descent, and describes the functions of the derivative words in the Malay language.

This study uses a functional approach (Halliday theory) in expressing the form, meaning and function of language used when writing. Function of language structure found in the poetry anthology "Menyirat Cinta Haqiqi" work of Kemala was interpreted based on semantic aspects by means of content analysis, descriptive nature of qualitative and quantitative research. Data analysis techniques using punctuation marks.

Results from the analysis of the formation of derivative, compound, and double words in terms of morphology in Malay language in poetry anthology is through the identifiable form, meaning, and function of the derivative words. Formation of derivative words is more demonstrated the augmentation process, in addition to compounding and multiplication to form many of the verb than the noun and adjective.

Structure and meaning in language also discussed clearly and eclectic fact and know the language of the two main dimensions, namely the form and meaning. The formation of derivative, compound, and double not only concentrate on the double meaning, but also applied to functions by every word that changed it. Among the main functions augmentation, compounding, and doubling to forming new words, changing the lexicon, change the meaning of words without changing the basic classess of basic words.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera

## **PEMBENTUKAN KATA TURUNAN, MAJMUK, DAN GANDA DARI SUDUT MORFOLOGI DALAM BAHASA MELAYU**

Oleh:

**EZZAH'AFIFAH BINTI NASRUDIN**

**Januari 2015**

**Pengerusi : Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh, PhD**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Pembentukan kata turunan, majmuk, dan ganda bahasa Melayu merujuk kepada pembinaan kata dasar melalui proses tertentu, iaitu pengimbuhan, pemajmukan, dan pengandaan sehingga berlaku transformasi dari sudut ejaan, makna, fungsi dan sebutan. Transformasi ini memberikan satu impak kepada seluruh pengguna bahasa Melayu, termasuk golongan pelajar. Antara impaknya termasuklah kekeliruan perubahan ejaan dan makna, serta fungsinya. Fenomena ini kerap berlaku dalam situasi pengajaran dan pembelajaran, ketika berkomunikasi, dan aktiviti penghasilan karya. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kata turunan, majmuk, dan ganda dalam bahasa Melayu, iaitu dari sudut bentuk, makna dan fungsinya.

Kajian ini menggunakan pendekatan fungsian (teori Halliday) dalam mengungkapkan bentuk, makna serta fungsi bahasa yang digunakan ketika menulis. Fungsi struktur bahasa yang terdapat dalam antologi puisi "Menyirat Cinta Haqiqi" karya Kemala diinterpretasikan berdasarkan aspek semantik menerusi kaedah analisis kandungan, jenis penelitian deskriptif kualitatif dan kuantitatif. Data dikumpulkan dengan kaedah catat dan dokumentasi. Kesemua puisi karya Kemala yang terkandung dalam antologi puisi "Menyirat Cinta Haqiqi" dianalisis supaya dapat diperoleh penggunaan kata turunan, majmuk, dan ganda yang meluas. Teknik analisis data yang digunakan ialah kaedah baca markah.

Hasil daripada analisis pembentukan kata turunan, majmuk, dan ganda dari sudut morfologi dalam bahasa Melayu dalam antologi puisi tersebut, dapat dikenal pasti bentuk, makna, dan fungsi kata turunan, majmuk, dan ganda itu.

Pembentukan kata turunan lebih memperlihatkan penggunaan proses pengimbuhan, di samping pemajmukan dan pengandaan sehingga membentuk banyak golongan kata kerja berbanding dengan golongan kata nama dan kata adjektif.

Struktur dan makna dalam bahasa juga membicarakan secara jelas serta eklektik akan hakikat dan selok bahasa daripada dua dimensi utama, iaitu bentuk dan maknanya. Pembentukan kata turunan, majmuk, dan ganda bukan sahaja tertumpu pada pembentukan makna kepelbagaiannya, tetapi turut diterapkan fungsi yang didukung oleh setiap perkataan yang berubah itu. Antara fungsi utama dalam pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan, iaitu membentuk perkataan baharu, mengubah golongan kata, mengubah makna kata dasar tanpa mengubah golongan kata dasar.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama AllahS.W.T Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

Alhamdulilah, pada kesempatan ini, saya ingin merafakkan kesyukuran kepada Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya, akhirnya dapatlah saya menyempurnakan penyelidikan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Seterusnya, saya merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Hj. Salleh selaku Pengerusi Penyelia atas segala dorongan, kesabaran dalam memberi tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan sepanjang proses penyediaan projek penyelidikan ini dijalankan.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat ahli keluarga dan teman-teman seperjuangan yang telah banyak membantu serta menyumbang masa dan tenaga serta memberikan sokongan dan dorongan kepada saya untuk menyempurnakan penyelidikan ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

EZZAH ‘AFIFAH BINTI NASRUDIN  
GS30160  
Master Sastera Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia,  
Serdang, Selangor Darul Ehsan.  
Januari 2015.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

**Che Ibrahim Salleh, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Abdul Rashid Daing Melebek, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli ;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas ;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain ;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012 ;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan, atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012 ;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: \_\_\_\_\_

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah dibawa seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa **Che Ibrahim Salleh, PhD**

Penyeliaan

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa **Abdul Rashid Daing Melebik, PhD**

Penyeliaan

## JADUAL KANDUNGAN

### Muka Surat

**ABSTRACT**  
**ABSTRAK**  
**PENGHARGAAN**  
**PENGESAHAN**  
**PERAKUAN**  
**SENARAI JADUAL**  
**SENARAI RAJAH**  
**SENARAI SINGKATAN**

i  
iii  
v  
vi  
viii  
x  
xii  
xiv

### BAB

#### 1 PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian	1
Penyataan Masalah	4
Objektif Kajian	6
Kepentingan Kajian	6
Batasan Kajian	7
Definisi Operasional	8

#### 2 SOROTAN LITERATUR

Pengenalan	10
Kajian Tempatan	10
Kajian Luar Negara	16
Perkaitan antara Kajian Terdahulu dengan Kajian ini	19
Kesimpulan	19

#### 3 METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian	21
Kerangka Teori	21
Kerangka Konsepsi	24
Kaedah Kajian	25
Persampelan	25
Pemboleh ubah Kajian	27
Alat Kajian	27
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	28
Tatacara Kajian	29

Penganalisisan Data	29
Kerangka Analisis	30
Kesimpulan	31
<b>4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	
Pengenalan	32
Bentuk Kata Turunan, Majmuk, dan Ganda Bahasa Melayu	32
Makna Kata Turunan, Majmuk, dan Ganda Bahasa Melayu	49
Fungsi Kata Turunan, Majmuk, dan Ganda, Bahasa Melayu	65
Kesimpulan	72
<b>5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
Kesimpulan	73
Cadangan	75
<b>BIBLIOGRAFI</b>	77
<b>BIODATA PELAJAR</b>	80
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	81

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1:	Kata turunan “morfem tanam”.	3
2:	Contoh Kata Turunan, Majmuk, dan Ganda melalui Proses Pengimbuhan, Pemajmukan, dan Penggandaan	9
3:	Kata Nama Terbitan (KNT)	11
4:	Kata Kerja Terbitan (KKT)	12
5:	Perubahan Morfologi Bahasa Melayu Kamus Dewan Tiga Edisi	15
6:	Kriteria Distribusi	17
7:	Penggolongan Kata Adjektif : Pendekatan Ontologi	18
8:	Kerangka Konsepsi	24
9:	Awalan kata nama dengan alomorf, contoh kata dasar, kata turunan dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	32
10:	Sisipan kata nama dengan alomorf, contoh kata dasar, dan kata turunan dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	33
11:	Akhiran kata nama dengan alomorf, contoh kata dasar, dan kata turunan dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	34
12:	Apitan kata nama dengan alomorf, contoh kata dasar, dan kata turunan dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	34
13:	Awalan kata kerja dengan alomorf, contoh kata dasar, dan kata turunan dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	37
14:	Akhiran kata kerja dengan alomorf, contoh kata dasar, dan kata turunan dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	38
15:	Bentuk apitan kata kerja dengan alomorf, contoh kata dasar, dan kata turunan dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	39
16:	Bentuk awalan kata adjektif dengan alomorf, contoh kata dasar, dan kata turunan dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	41
17:	Bentuk kata nama majmuk biasa, contoh kata dasar, kata majmuk dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	42
18:	Bentuk kata nama majmuk kiasan, contoh kata dasar, dan kata majmuk dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	42
19:	Bentuk kata kerja majmuk yang menerima imbuhan, contoh kata dasar, dan kata majmuk dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	43
20:	Bentuk kata adjektif majmuk kiasan, contoh kata dasar, dan kata majmuk dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	43
21:	Bentuk penggandaan penuh kata nama, contoh kata dasar, dan kata ganda dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	44
22:	Bentuk penggandaan separa kata nama terbitan, contoh kata dasar, dan kata ganda dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	44
23:	Bentuk penggandaan berentak kata nama pengulangan vokal, contoh kata dasar, dan kata ganda dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	45
24:	Bentuk penggandaan berentak kata nama pengulangan konsonan, contoh kata dasar, dan kata ganda dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	45
25:	Bentuk penggandaan penuh kata kerja, contoh kata dasar, dan kata ganda	

26:	dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	46
	Bentuk penggandaan separa kata kerja imbuhan berawalan, contoh kata dasar, dan kata ganda dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	46
27:	Bentuk penggandaan berentak pengulangan konsonan, contoh kata dasar, dan kata ganda dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	47
28:	Bentuk penggandaan berentak kata kerja pengulangan bebas, contoh kata dasar, dan kata ganda dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	47
29:	Bentuk penggandaan penuh kata adjektif, contoh kata dasar, dan kata turunan dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	48
30:	Bentuk penggandaan separa kata adjektif imbuhan berawalan, contoh kata dasar, dan kata ganda dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	48
31:	Bentuk penggandaan berentak kata adjektif pengulangan bebas, contoh kata dasar, dan kata ganda dalam antologi puisi “Menyirat Cinta Haqiqi”	49

## **SENARAI SINGKATAN**

BM	Bahasa Melayu
KN	Kata Nama
KK	Kata Kerja
KA	Kata Adjektif
KD	Kata Dasar
KNT	Kata Nama Terbitan
KKT	Kata Kerja Terbitan
MCH	Menyirat Cinta Haqiqi
RBK	Rajah Binaan Kata
T	Tambahan

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Morfologi sebagai cabang bidang tatabahasa berkembang selari dengan keperluan masyarakat penggunanya. Perhatian yang sangat menggalakkan dan perubahan sikap masyarakat terhadap tatabahasa ini merupakan petanda baik ke arah usaha pembentukan kata bahasa Melayu (BM). Morfologi ialah bidang tatabahasa yang mengkaji aspek struktur dan bentuk serta pembentukan kata dan penggolongan kata. Bidang pembentukan kata merupakan subsistem dalam sistem bahasa. Dalam konteks bahasa Melayu, pembentukan kata dipandang sebagai proses kepada cara kata-kata dibentuk atau proses yang dialami oleh sesuatu kata dalam penghasilannya.

Nik Safiah Karim et. al (2013) mentakrifkan morfologi sebagai bidang bahasa yang mengkaji struktur, bentuk, dan penggolongan kata dalam bahasa Melayu. Dari segi etimologi, kata morfologi itu berasal daripada bahasa Yunani “*morphe*” yang membawa maksud “bentuk” atau “*form*” dalam bahasa Inggeris. Dengan demikian, morfologi secara amnya membawa maksud kajian tentang struktur dan bentuk atau pembentukan. Dalam kajian tersebut, yang diteliti hanyalah unsur dan proses yang membentuk perkataan, serta bentuk perkataan yang terhasil. Proses tersebut ialah proses pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan.

Dengan yang demikian, BM dapat digolongkan ke dalam jenis bahasa aglutinatif. Hal ini kerana kebanyakannya perkataannya dibentuk berdasarkan proses pengimbuhan, iaitu proses mencantumkan kata dasar dengan imbuhan sehingga dapat menghasilkan perkataan baharu. Sebagai contohnya, daripada kata dasar *sesuai* dapat diterbitkan pelbagai perkataan baharu dengan melekatkan (*agglutinate*) imbuhan pada kata dasar tersebut. Bentuk-bentuk perkataan yang terhasil itu termasuklah *bersesuaian*, *menyesuaikan*, *disesuaikan*, *penyesuaian*, *kesesuaian*, *sesuaikan*. Bentuk perkataan yang diterbitkan itu dikenali sebagai

derivatif yang bermaksud perkataan *bersesuaian*, *menyesuaikan*, *disesuaikan*, *penyesuaian*, *kesesuaian*, *sesuaikan* itu merupakan derivatif bagi kata dasar *sesuai*. Apabila terciptanya perkataan baharu, maka berlakulah perubahan makna pada setiap perkataan yang diterbitkan itu.


Oleh sebab kebanyakan perkataan BM diterbitkan melalui pengimbuhan yang menghasilkan derivatif daripada satu kata dasar, maka BM dapat dikategorikan sebagai bahasa yang bersifat derivatif. Bahagian imbuhan Melayu telah lama dianggap sebagai satu aspek mustahak dalam tatabahasa bahasa Melayu seperti yang ditunjukkan dalam buku teks BM, misalnya buku *Kursus Bahasa Kebangsaan* (1963) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, *Bahasa Malaysia Kini* (1970) yang dikarang oleh Asmah Haji Omar, yang membincangkan dan menganalisis buku tatabahasa bahasa Melayu seperti *Simple Malay Grammar* (edisi pertama 1929) oleh R.OWindstedt, *Practical Malay Grammar* (1899) oleh W.G. Shellabear, *Pelita Bahasa Melayu* (1965) oleh Za'ba, *Tatabahasa Baru Melayu-Indonesia* (1963) oleh S. Takdir Alisjahbana, dan *An Introduction to Malay Grammar* (1968) oleh Asmah Haji Omar dan Rama Subbiah.

Selain itu, pembentukan kata BM juga diperoleh melalui proses pemajmukan. Bagi proses ini, dua kata dasar atau lebih akan digabungkan sehingga menjadi bentuk kata majmuk yang membawa makna khusus. Sebagai contoh, kata dasar *diri* dapat diperturunkan menjadi kata majmuk seperti *harga diri*, *cermin diri*, dan sebagainya. Seterusnya, perkataan BM juga terbentuk melalui proses penggandaan. Dalam proses tersebut, kata dasar mengalami penggandaan penuh atau penggandaan pada bahagian tertentu. Bentuk perkataan yang terhasil ini dikenali sebagai kata ganda. Antara contoh kata ganda termasuklah *wangi-wangi*, *sayur-sayuran*, *lelaki*, *usik-mengusik* dan *terang-benderang*.

Penggunaan kata turunan, majmuk, dan ganda yang begitu meluas dalam pembentukan kata adalah suatu ciri tersendiri BM yang telah lama dikenali oleh para cendekia BM dalam negara dan juga mancanegara. Dalam konteks ini, Tassilo Adam dalam pengenalannya kepada *Grammar of the Malay Language* (1948: 113) mengatakan:

*The Malay Language is widely different from flexion language like the Indo-European group... Malay words are built up of roots and affixes. The root often needs to be defined by affixes, as it only expresses the raw element of an idea.*

Seperti yang ditegaskan oleh Tassilo Adam, daya membina kata pada kata turunan ini digambarkan seperti yang berikut:



**Rajah 1: Kata turunan “morfem tanam”**

Contoh di atas menunjukkan bahawa banyak kata turunan yang dibentuk dengan menambahkan awalan atau akhiran atau kedua-duanya pada suatu kata dasar dan dapat berfungsi sebagai kata nama (KN), kata kerja

(KK), dan kata adjektif (KA). Hasil daripada daya menggandakan kata ini dapat menambah bilangan kosa kata bahasa Melayu asas. Namun begitu, perkara yang lebih penting adalah untuk menerangkan makna asal, kerana pembentukan kata turunan itu dapat menghalusi malahan mengubah makna asal kata dasar berkenaan.

Menurut Darwis Harahap (1994:17), keperluan maknalah yang menyebabkan berlakunya pembinaan kata sama ada dengan cara pengimbuhan, pengulangan atau pemaduan. Oleh yang demikian, aspek makna harus diambil kira kerana tanpa usul makna sesuatu ujaran atau tulisan tidak akan bererti. Oleh itu, penyelidikan wajar dilakukan untuk mengenal pasti kata turunan BM melalui tiga proses pembentukan sehingga mengubah makna yang asal menjadi makna yang baharu dan memaparkan fungsi perkataan yang diterbitkan.

### **Pernyataan Masalah**

BM bersifat hidup, berkembang dan dinamis sehingga menyebabkan berlakunya perubahan. Perubahan yang sememangnya berlaku dalam BM ini bertujuan untuk memantapkannya dari segi tatabahasa. Justeru, beberapa perubahan telah dilakukan kerana ahli-ahli bahasa menyedari bahawa beberapa aspek bahasa yang digunakan kini ternyata kurang menepati tatabahasa BM dan perlu diatasi (Nawi Ismail, 2000).

Namun, setiap perubahan yang berlaku ini telah menimbulkan permasalahan kekeliruan kepada para pengguna bahasa. Antaranya termasuklah perubahan morfologi dari segi struktur, bentuk, dan proses (Abdul Ghalib Yunus, 1994). Generasi baharu yang terlibat dalam bidang tatabahasa mempunyai pandangan dan pegangan berdasarkan dukungan budaya bahasa yang berbeza-beza.

Kekeliruan tentang perubahan ejaan dan makna setelah mengalami proses kata turunan, iaitu pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan dalam kalangan pelajar dan seluruh pengguna bahasa Melayu masih berlaku dan menjadi masalah. Pengguna bahasa sering mengalami keadaan yang tidak pasti dan kekeliruan akibat daripada penguasaan bahasa yang tidak memuaskan, di samping perubahan yang berlaku dalam sistem ejaan baharu bahasa Melayu (Nawi Ismail, 2003).

Fenomena seperti ini terus berlaku terutama sekali semasa mereka menjalankan aktiviti penulisan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kekeliruan, ketidakpastian, kelemahan, dan kesalahan bahasa terus berlaku dalam kalangan pengguna, sama ada dalam kalangan pelajar mahupun para guru (Abdul Ghalib Yunos, 2002). Contoh yang berikut dirasakan dapat menggambarkan fenomena yang berlaku dan bertujuan untuk menyokong pernyataan ini:

Kesalahan	Pembetulan
x merbahaya	✓ berbahaya
x mempastikan	✓ memastikan
x Pesisiran	✓ Persisiran
x Pembentukkan	✓ Pembentukan
x Menasihatkan	✓ Menasihati

Dalam hal penggunaan kata yang mengalami proses pengimbuhan, masih agak nyata kekeliruan tentang penggunaan variasi awalan “me-” dan “pe-” iaitu sama ada “me-”, “mem-”, “men-”, “meng-”, “menge-” ataupun “pe-”, “pem-”, “pen-”, “peng-”, “penge-”. Maka berterusan isu kekeliruan adakah bentuk yang betul “memastikan” atau “mempastikan”, “pesisiran” atau “persisiran”. Selain itu, terdapat juga contoh seperti “berbahaya” atau “berbahaya”. Apabila dijelaskan bahawa bentuk kata yang betul setelah menerima imbuhan, ialah “berbahaya”, bukan “merbahaya” (tiada awalan “mer-” yang diimbuhkan pada kata “bahaya”), masih ramai pengguna bahasa yang ragu dan tidak faham akan alasannya.

Ketiadaan atau kurang sedarnya sesetengah pengguna bahasa tentang konsep D-M sehingga menyebabkan timbul perbalahan dari aspek sebutan. Hukum D-M ialah peraturan menyusun kata nama majmuk dan ayat yang mendahuluikan unsur yang diterangkan dan mengemudiankan kata sifat yang menerangkan. Kesalahan yang biasa berlaku, disebabkan segelintir pengguna bahasa yang bersikap keinggerisan, maka timbul kekeliruan antara susunan kata nama majmuk BM dengan kata nama majmuk BI. Antara kesalahan yang sering berlaku, ialah:

Kesalahan	Pembetulan
x goreng pisang	✓ pisang goreng
x lain-lain perkara	✓ perkara-perkara lain

Isu yang hingga kini masih menyelubungi minda pengguna bahasa, iaitu kekeliruan makna dengan betul sehingga masih ada yang tidak dapat membezakan makna “mengirimkan” daripada “mengirimi”, “menghadiahkan” daripada “menghadiahi” dan contoh-contoh lain yang sejenis dengannya. Selain itu, masih nyata kekeliruan bilakah akhiran “-kan” perlu atau tidak perlu digunakan dalam contoh seperti “isikan borang ini” atau “isi borang ini”, “tuliskan ringkasan karangan”, atau “tulis ringkasan karangan”.

Demikian juga, apabila ditekankan fungsi perkataan yang berubah setelah mengalami proses tertentu. Ramai pengguna bahasa yang terus keliru dengan perubahan fungsi seperti KD “satu” berubah menjadi bentuk “persatuan” dan berfungsi sebagai KN, juga boleh menjadi fungsi KK apabila bentuk KD tersebut berubah seperti “mempersatukan”.

Berdasarkan contoh di atas, pengguna bahasa Melayu pada hampir seluruh peringkat akan berasa keliru dan tidak pasti semasa menggunakan perkataan yang mengalami pengimbuhan seperti ini. Selain itu, banyak pengguna yang dapat mengeja perkataan demikian dengan betul tetapi kurang pasti punca perubahan ejaan dan pengimbuhan itu berlaku (Abdul Ghalib Yunus, 2002).

Menurut Arbak Othman (1985), pengajaran tatabahasa sebaik-baiknya dikendalikan untuk memahamkan para pelajar akan perkara-perkara seperti:

- i. bentuk unsur-unsur tatabahasa
- ii. makna unsur-unsur tatabahasa
- iii. fungsi unsur-unsur tertentu tatabahasa
- iv. pola-pola sebutan aspek tertentu tatabahasa

Oleh hal yang demikian, wajarlah dilakukan kajian terhadap (pembentukan kata turunan dalam bahasa Melayu) yang lebih memfokuskan penulisan kreatif. Hal ini kerana, kajian ini merupakan penerapan ilmu linguistik ke dalam bidang kesusasteraan Melayu. Nik Safiah Karim (1986), mengatakan bahawa bidang penyelidikan secara saintifik, terutama dalam kaitannya dengan sastera adalah satu bidang baru.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti bentuk kata yang terhasil melalui proses pembentukan kata turunan, kata majmuk, dan kata ganda bahasa Melayu;
- ii. Menganalisis perubahan makna kata turunan, kata majmuk, dan kata ganda bahasa Melayu; dan
- iii. Menghuraikan fungsi kata turunan, kata majmuk, dan kata ganda bahasa Melayu.

## **Kepentingan Kajian**

Untuk menghayati keindahan puisi Melayu, penulis hendaklah mengkaji bentuk dan isi puisi yang mempesonakan. Tetapi untuk menghasilkan sebuah karya hebat, penulis perlu mahir dalam BM, iaitu menguasai struktur dan fungsi pembentukan kata. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pembentukan kata merupakan aspek penting BM dan juga sebahagian utama sukanan pelajaran atau kurikulum standard BM pada semua peringkat. Pembentukan kata BM bukan sahaja diutamakan dalam buku teks BM di sekolah ataupun dalam buku tatabahasa bahasa Melayu, baik yang baru diterbitkan maupun yang lama, tetapi pembentukan kata ialah salah satu perkara pokok dalam semua kursus BM.

Pentingnya kata turunan, majmuk, dan ganda Melayu dalam BM berpunca bukan sahaja daripada daya membina kata tetapi kekerapan

penggunaannya yang amat tinggi dalam pelbagai jenis ayat. Hal ini jelas apabila suatu idea yang hendak dilahirkan itu bersifat kompleks, maka keperluan penggunaan kata turunan itu semakin luas kerana ingin menzahirkan makna yang dihajati. Umpamanya puisi “Menyirat Cinta Haqiqi” yang terkandung dalam antologi puisi Menyirat Cinta Haqiqi:

Menatang tamadun  
Sejuta tahun  
PenyairkuMenyirat  
Cinta Haqiqi.  
Di teluk-teluk Laut Melayu  
Penyairku  
Menggenggam  
Satu Rindu.

(Menyirat Cinta Haqiqi, MCH: 80)

Rangkap di atas dapat menunjukkan kekerapan kewujudan kata turunan dan ganda yang memperoleh sebanyak tujuh patah kata daripada lapan belas patah perkataan. Contoh ini adalah untuk menggambarkan bahawa pentingnya kajian ini sebagai panduan yang memberi manfaat bukan sahaja kepada penulis malah dapat memberikan keberkesanan kepada pengajaran guru dan pembelajaran murid. Para pengguna bahasa juga perlu mengetahui fungsi dan makna yang didukung oleh setiap kata turunan dalam sesuatu perkataan itu kerana kecekapan dalam penggunaan kata turunan itu adalah satu syarat dalam penguasaan BM.

Oleh itu, penyelidikan ini cuba meninjau makna kata turunan, majmuk, dan ganda yang terdapat dalam bahan kajian, iaitu puisi yang dihasilkan oleh penulis Kemala. Hal ini demikian, kerana makna setiap kata turunan, kata majmuk, dan kata ganda itu bukan hanya terbatas kepada makna tersurat, tetapi banyak menampilkan makna tersirat. Melalui kajian ini, diharap dapat diperjelaskan penggunaan kata turunan, kata majmuk, dan kata ganda dan kesannya dalam penciptaan puisi tersebut.

### Batasan Kajian

Penyelidikan ini menumpukan perhatian terhadap morfologi BM, yang mengkhusus dalam aspek kata turunan, majmuk, dan ganda BM. Skop kajian ini ialah mengenal pasti bentuk kata turunan, majmuk, dan ganda, menganalisis perubahan makna kata turunan, majmuk, dan ganda, serta menghuraikan fungsi kata turunan, majmuk, dan ganda.

Bidang morfologi di atas yang dikaji ialah:

- i. bentuk, makna, dan fungsi kata turunan, majmuk, dan ganda dalam antologi puisi Menyirat Cinta Haqiqi.
- ii. Proses pembentukan kata mengikut antologi puisi Menyirat Cinta Haqiqi.
- iii. teori yang digunakan dalam penyelidikan ini, ialah teori fungsional Halliday.
- iv. kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini, iaitu kaedah analisis kandungan.
- v. Bahan utama yang digunakan ialah sebuah buku antologi puisi Menyirat Cinta Haqiqi, karya Kemala yang terkandung sebanyak 49 buah puisi karya beliau, dan antologi puisi yang diterbitkan pada tahun 2012 ini merupakan puisi terkini mengikut zaman.

## Definisi Operasional


### Pembentukan kata

Pembentukan kata ialah cara kata itu dibina dan dibentuk sehingga menghasilkan kelainan makna dan fungsi daripada asal. Dalam BM, kata imbuhan, kata majmuk, dan kata ganda terbentuk melalui proses pembentukan kata. Sebagai contoh, proses pengimbuhan dapat menghasilkan kata seperti *berkawan*, *terjunam*, *penyair*, *pedalaman* dan *disarangkan*. Proses pemajmukan dapat mencipta perkataan seperti *buku tulis*, *gambar rajah*, *kertas kerja*, *batu kapur* dan *kaki ayam*.

Manakala perkataan yang terbentuk hasil daripada proses penggandaan pula seperti *bahan-bahan*, *bukit-bukau*, *lelaki*, *bersalam-salaman* dan *bantu-membantu*.

## Kata Turunan, Majmuk, dan Ganda BM

Kata turunan, majmuk, dan ganda ialah perkataan yang asalnya daripada kata dasar, terbentuk menjadi perkataan yang lain melalui proses tertentu, iaitu pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan, sekali gus merubah makna dan fungsi yang lain. Kata turunan, majmuk, dan ganda juga boleh disifatkan sebagai kata jadian. Kelompok kata turunan, majmuk, dan ganda dapat dilihat berdasarkan contoh yang berikut:



Rajah 2: Contoh Kata Turunan, Majmuk, dan Ganda setelah melalui Proses Pengimbuhan, Pemajmukan, dan Penggandaan.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Ghalib Yunus. (1994). “Apitan yang Sering Mengelirukan”. *Pelita Bahasa*. Jld. 5, Bil.4. Hal. 260-268.
- Abdul Ghalib Yunus. (2002). “Mengenal Kata”. *Pelita Bahasa*. Jld. 14, Bil 11. Hal. 18-19.
- Abdullah Hassan. (1997). *Bentuk Dan Makna Imbuhan Kata Kerja Me(N) Bahasa Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2008). *Tatabahasa Pedagogi untuk Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Ahmad Kamal Abdullah. (2012). *Menyirat Cinta Haqiqi*. Kuala Lumpur: Insandi Sdn. Bhd.
- Akhiar Pardi dan Hamsina Shamsuddin. (2011). *Pengantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Multimedia Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1986). *Isu-Isu Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya et. al. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Bloomfield, Leonard. (1962). *Language*. New York: Henry Holt
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1996). *Qualitative Research For Education: An Introduction To Theory And Methods*. Boston: Allyn and Bacon.
- Carmines, E.G, & Zeller, R.A. (1991). *Reliability and Validity Assessment*. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Darwis Harahap Mohamad. (1994). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Darwis Harahap Mohamad. (1996). *Perubahan Makna dan Bentuk*. Jurnal Dewan Bahasa. 39(7): Hal. 633-640.
- Halliday, M.A.K. (1967). “*Journal Of Linguistic 3*”. London: Edward Arnold.
- Harimurti Kridalaksana. (1981).”Tradisi dan Inovasi dalam Penyelidikan Bahasa Melayu”. *Jurnal Linguistik Malaysia*, 1:1 hlm. 1-6
- Hashim Haji Musa. (1993). *Binaan dan Fungsi Perkataan Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henry Guntur Tarigan. (1988). *Pengajaran Morfologi*. Jakarta: Angkasa Bandung.
- Jacob L. Mey. (1994). *Concise encyclopedia of pragmatics*. Oxford: ElsevierScience.
- James S. Magnusson. (2004). *Actions and Affordances in Syntactic Ambiguity Resolution*. New York. Columbia University.
- Jos Daniel Parera. (1994). *Morfologi Bahasa Edisi Kedua*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Kenneth L. Pike. (1977). *Grammatical analysis*. Dallas: Summer Institute of Linguistics and University of Texas at Arlington.
- Koh Boh Boon. (1982). *Mengajar Imbuhan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication& Distributors Sdn. Bhd.
- Lincoln, Y.S & Guba, E.G. (1985). *Naturalistic Inquiry*. Beverly Hills: Sage Publication.
- Marsden, William. (1812). *A Grammer of The Malayan Language With an Introductionand Praxis*. London: Coxand Baylis.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitivation Research and Case Study Applications In Education*. California: Jossey-Bass.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yunus Sharum dan Zaitul Azma Z.H., Mohd Rohaizat A.W., dan Mat Rofa 1 (2010). *Formal Properties and Characteristics of Malay Rhythmic Reduplication*. Dlm Procedia Social and

Behavioral Sciences, Volume 8, pp: 750-76(DOI: 10.1016/j.sbspro. 2010.12.104)

Mohd Yunus Sharum dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011). “Golongan dan Rumus Kata Gandaan Berima”. *Jurnal Bahasa*, Jilid 11, Bil. 1 Jun 2011.

Nawi Ismail. (2003). “Perubahan dan Kekeliruan Penggunaan Bahasa Melayu”. *Pelita Bahasa*. Oktober, 2000, Jilid 12 Bil. 5.

Nik Safiah Karim et. al (1986). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim et. al (2013). *Tatabahasa Dewan, Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noor Aina Dani. (2000). *Kaedah Penyelidikan dalam Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Patton, M.Q. (1999). “Enhancing The Quality And Creadibility Of Qualitative Analysis”. *HSR: Heart Services Research*. 34 (5) Part II. pp. 1189-1208.

Raymon Firth. (1973). *Symbolism*. New York. Cornell University Press.

Richards. (1985). *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. London: Longman Ltd.

Richards J.C, Rodgers. (2001). *Approaches And Methods In Language Teaching* (2nd Ed.). England: Cambridge University Press.

Sergei Nirenburg and Victor Raskin. (2007). *Ontological Semantics (Language, Speech, and Communication)*. New York: MIT press

Tassilo Adam. (1948). *Grammar of the Malay Language*. London; Arnold

Teo Kok Seong. (1997). “Perubahan Bahasa”. *Pelita Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasadan Pustaka.

Zaharani Ahmad. (2001). Seminar Persidangan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu di IDEAL, UPM. “*Perubahan Morfologi Dalam Kamus Tiga Edisi*”.

Zaharani Ahmad. (2007). *Pembentukan Kata Ganda Separa Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

